

Sarkina Bt Mat Saad @ Shaari

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Wednesday, October 24, 2018 1:48 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: Hormati Senat, Jangan Sambil Lewa



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT

Universiti Utara Malaysia

24 OKTOBER 2018 / 15 SAFAR 1440H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(*THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY*)

Oleh: Nordiana Shafiee

Gambar oleh: Muhammad Shamsul Shafie

HORMATI SENAT, JANGAN SAMBIL LEWA



UUM ONLINE: Golongan Profesor universiti ini diminta untuk sentiasa menghormati Senat sebagai badan tertinggi institusi.

Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti (LPU) UUM, Dato' Prof. Dr. Sudin Haron berkata, golongan Profesor bebas untuk melontar dan menyuarakan cadangan ataupun hujah selagi ia tidak menjatuhkan maruah orang lain atau universiti.

Beliau yang pernah berkhidmat di UUM sejak di kampus Tanah Merah, Jitra berkata, ada segelintir Profesor yang membentangkan kertas kerja secara sambil lewa ketika dalam Senat suatu ketika dahulu.

“Saya menganggap tindakan itu seperti tidak menghormati Senat yang mana seharusnya ia menjadi tempat untuk mengetengahkan hujah, cadangan atau kertas kerja yang berkualiti dan mengambil kira semua aspek.

“Sehubungan itu, saya harap semua Profesor yang ada di UUM dapat memberi hujah dan cadangan dengan bebas tapi masih menghormati Senat,” katanya pada Perjumpaan Bersama Majlis Profesor UUM di Bilik Senat, semalam.


Pada perjumpaan itu juga, beliau mahu Senat dijadikan medan membincangkan pembangunan tahap kesarjanaan.

Beliau juga menekankan tiga manifestasi yang akan dibawa sepanjang menjadi Pengerusi LPU iaitu menjaga kesihatan diri, mengekalkan kehijauan kampus dan tidak melakukan pembaziran.

Antara lain, beliau mencadangkan supaya hasil kerja Profesor UUM dapat dipamerkan di sudut khas sebagai simbolik kebanggaan kerana telah menyumbang dalam bidang pendidikan.

Pada masa sama, beliau yang juga Ketua Pegawai Eksekutif Yayasan Waqaf Malaysia turut mengutarakan cabaran dan isu yang dihadapi seperti kekurangan geran penyelidikan dan cara mendapatkan geran luar.

Sepanjang lawatan rasmi beliau di UUM, Dato’ Prof. Dr. Sudin telah mengunjungi Perpustakaan Sultanah Bahiyah dan Manager’s Coffee serta bertemu ahli jawatankuasa persatuan dan kesatuan UUM, selain mengadakan sesi kayuhan basikal sekitar kampus dan Bukit Kachi.



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.